

CNS2821

U GB 28-07 00158 BA267

aab

Mahathir - Arafat

M'STA AKAN TERUS SOKONG PLO, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Encik Yasser Arafat bahawa Malaysia akan terus menyokong perjuangan pertubuhan itu menentang Israel.

Perdana Menteri berkata jaminan itu diberikan kerana Malaysia bersimpati dengan pertubuhan itu dan turut merasa sedih kerana ramai orang Palestin dibunuh semasa intifadah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan "empat mata" hampir dua jam dengan Arafat di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Walaupun PLO menghadapi tekanan sekarang, Arafat menyatakan bahawa PLO tidak akan berundur malahan akan meneruskan perjuangan menentang Israel, kata beliau.

Ketika ditanya mengenai cadangan yang dikemukakannya kepada Presiden Negara Palestin itu, Dr Mahathir berkata: "Kita mencadangkan supaya dicari jalan agar rundingan diteruskan dengan asas-asas yang lebih adil kepada pihak Palestin." -- Lagi.

▼28/07/18-40MST

CNS2883

U GB 28-07 00136 BA279

aab

Mahathir - Arafat 2 Kuala Lumpur

Usaha seumpama itu perlu diambil kerana berasaskan kepada rundingan yang ada sekarang, sebenarnya tidak ada tempat bagi orang Palestin, katanya.

Perdana Menteri berkata pada pertemuan itu Arafat juga memberikan salinan asas rundingan damai serta "menunjukkan kepada saya bagaimana perbincangan itu tidak diasaskan kepada resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)."

Bagaimanapun, katanya, Arafat menyatakan bahawa PLO sanggup meneruskan rundingan damai tetapi bukan berdasarkan asas-asas yang dicadangkan oleh Israel dan Amerika Syarikat, yang sebenarnya tidak seperti yang diputuskan oleh PBB.

"Jika perbincangan tidak berasaskan kepada resolusi PBB, mereka tidak dapat apa-apa. Dia berpegang kepada resolusi PBB."

Berdasarkan keadaan yang ada sekarang, kata Dr Mahathir, Arafat menyatakan bahawa PLO tidak dapat bersetuju dengan syarat-syarat yang dicadangkan kepada mereka. -- Lagi.

▼28/07/19-16MST

CNS2902

R GB 28-07 00129 BA282

bah

Mahathir - Arafat 3 Kuala Lumpur

Di samping itu, cadangan yang dikemukakan itu juga tidak menyebut langsung mengenai masa depan Baitulmaqdis.

"Kita sokong pendirian mereka (PLO) kerana kalau hendak ada penyelesaian perlulah ada rundingan dan perjanjian yang adil, yang memastikan pihak Palestin boleh mendapat balik autonomi mereka dalam wilayahnya dan masa depan Baitulmaqdis juga hendaklah ditentukan.

"Kalaupun mereka tidak mendapat Baitulmaqdis hari ini, tapi-apakah dia untuk masa depan Baitulmaqdis," kata beliau.

Mengenai serangan Israel di Lubnan sejak tiga hari lepas, Perdana Menteri berkata Israel sengaja mencari alasan untuk menggunakan senjata mereka.

"Keadaan itu tidak sepatutnya berlaku, tetapi Israel tidak dapat menggunakan sekuatnya besarnya atau kapal terbang dalam intifadah kerana intifadah berlaku di bandar." -- Lagi.

▼28/07/19-31MST

CNS2964

U GB 28-07 00132 BA289

aab

(Ulangan dengan pembetulan pada para satu)

Mahathir - Arafat 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Arafat, yang tiba di sini pagi tadi untuk lawatan kerja tiga hari atas undangan Perdana Menteri diiringi ke Jabatan Perdana Menteri oleh penasihatnya Hani Al-Hassan (politik), Sakher Habash (hal ehwal negara) dan Mohamed Rashid (hal ehwal ekonomi), ketua pergerakan itu di Jepun Baker Abdel Munin dan Duta PLO ke Malaysia Ahmad Al-Farra.

Yang turut berada di Jabatan Perdana Menteri ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali dan Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, yang juga menteri pengiring.

Ini merupakan lawatan kedua Arafat ke Malaysia sejak 10 Mac 1990. Beliau akan berlepas pulang pada Jumaat ini. -- Bernama

JO NMO.

▼28/07/20-22MST